

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali  
[ Sipitang ]**

**TARIKH : 19.06.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 5**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pencapaian NKRA Kementerian bagi menyediakan kemudahan bekalan elektrik dan air luar bandar, serta jalan-jalan kampung, khususnya di Sabah dan Sarawak yang memerlukan lebih banyak tumpuan dan perhatian.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berikut dikemukakan status pencapaian NKRA Pembangunan Luar Bandar di Sabah dan Sarawak bermula dari tahun 2010 sehingga **30 April 2014 (GTP 1.0 - 2.0)**:

Di Sabah :-

- i. **Program Jalan Luar Bandar (JALB)** : Sepanjang **1,367.14 km** jalan luar bandar telah siap dibina
- ii. **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** : Sebanyak **105,183 buah rumah** telah menerima manfaat bekalan air bersih/terawat
- iii. **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** : Sebanyak **46,099 buah rumah** telah menerima manfaat bekalan elektrik 24 jam.

Manakala di Sarawak :-

- i. **Program Jalan Luar Bandar (JALB)** : Sepanjang **1,119.59 km** jalan luar bandar telah siap dibina

- ii. **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) :**  
Sebanyak **80,342 buah rumah** telah menerima manfaat bekalan air bersih/terawat
  
- iii. **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) :**  
Sebanyak 57,900 buah rumah telah menerima manfaat bekalan elektrik 24 jam.